

**"Saya mulanya menyangka ia aktiviti pembakaran terbuka tanpa mengesyaki sebarang kejadian buruk atau nahas udara. Malah saya sempat menunjukkan asap itu kepada anak saya Rizal**

**HARIAN METRO**

**PESAWAT** Beechcraft B200T milik TUDM yang terbakar sebaik terhempas.



**ANAK** kapal yang cedera diberi rawatan di Hospital Seberang Jaya.

# **PESAWAT MALANG**

# KEEMPAT

Harian metro  
22/12/16  
mls 10-11

Mohd Fadly Samsudin  
dan Shamsul Munir Safini  
am@hmetro.com.my

## Seorang juruterbang maut tiga lagi cedera Beechcraft B200T milik TUDM terhempas ketika mendarat

Pada 5.18 petang, pesawat TUDM jenis Beechcraft B200T terhempas ketika mendarat di Pangkalan Udara Butterworth.



Pangkalan Udara Subang



Pangkalan Udara Butterworth

2



1. **Mejar C Kayambo** - Meninggal dunia.
2. **Kapten Wai Lik** - Patah tulang muka, patah tulang rusuk kanan, patah tulang paha dan mengalami gegaran otak. Dibawa ke Hospital Pulau Pinang untuk menjalani imbasan CT otak dan badan.
3. **Letenan Hamdi Ahmad Hanafi** - Kecederaan di bahagian dada dan menjalani ujian Xray di Hospital Seberang Jaya dan berada dalam keadaan stabil.
4. **Sarjan Udara Mohd Sofi Azizan** - Kecederaan pada tulang kaki dan menjalani Xray di Hospital Seberang Jaya. Berada dalam keadaan stabil.

### Butterworth

Seorang juruterbang terbunuh manakala tiga lagi cedera apabila pesawat Beechcraft B200T Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) terhempas berhampiran Terminal Peluru, Pangkalan Udara Butterworth di sini, semalam. Ia kejadian pesawat TUDM terhempas yang keempat sepanjang tahun ini selepas tiga kejadian pada Februari, Mei dan Oktober lalu. Dalam kejadian jam 5.18 petang semalam, juruterbang

pesawat, Mejar C Kayambo maut di lokasi kejadian manakala tiga lagi iaitu Kapten Wai Lik, Letenan Hamdi Ahmad Hanafi dan Sarjan Udara Mohd Sofi Azizan cedera.

Saksi kejadian yang juga pekerja swasta, Rizal Effendy Maarop, 36, berkata, dia sempat melihat asap berkepul memenuhi ruang udara di kawasan Pangkalan TUDM ketika dalam perjalanan pulang dari tempat kerja.

“Saya mulanya menyangka ia aktiviti pembakaran terbuka tanpa mengesyaki sebarang kejadian buruk atau nahas udara. Malah saya sempat menunjukkan asap itu kepada anak saya.

“Tidak sangka ada pesawat TUDM terhempas,” katanya yang hanya menyedari kejadian itu selepas rakannya menyebarkan gambar kejadian itu di aplikasi WhatsApp.

Sementara itu berdasarkan portal rasmi TUDM, pesawat Beechcraft B200T digunakan oleh 16 Skuadron dalam melakukan tugas Penerbangan Pengawasan Maritim yang berpangkalan di Pangkalan Udara Subang.

Tugas utama 16 Skuadron adalah memberi amaran



## 'Hari ini hari lahir dia'

**Seberang Jaya:** "Hari ini hari lahirnya yang ke-45, dia anak saudara yang sangat baik dan suka merendah diri. "Saya amat terasa

22-12-2016

UNIT RUJUKAN DAN...  
DITERIMA  
DEC 2016  
U.R.  
M.B.

11

**Kuala Lumpur**

## TPM zahir dukacita di Twitter

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menzahirkan rasa dukacita susulan insiden membabitkan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang terhempas di Pulau Pinang petang semalam:

Dalam catatan di akaun Twitternya, Dr Ahmad Zahid, yang juga Menteri Dalam Negeri turut meminta anggota keluarga mangsa bersabar menempuhi saat-saat menyedihkan itu.

"Saya amat berdukacita atas kemalangan pesawat TUDM dan kematian pilot (juruterbang) serta kecederaan. Semoga keluarga bersabar," katanya.

Dalam pada itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dalam catatan di akaun twitternya berkata, beliau

“

Saya amat berdukacita atas kemalangan pesawat TUDM dan kematian pilot (juruterbang) serta kecederaan. Semoga keluarga bersabar”

*Dr Ahmad Zahid*

sudah mengarahkan Panglima Tentera Udara Jeneral Datuk Seri Affendi Buang untuk turut memantau siasatan nahas itu.

"Saya dah arah PTU (Panglima Tentera Udara) sendiri turun pantau," katanya.

Menurut portal rasmi TUDM, pesawat itu digunakan oleh 16 Skadron dalam melakukan tugas Penerbangan Pengawasan Maritim yang berpangkalan di Pangkalan Udara Subang.



kehilangannya,” kata A Bijeikumarar, 58, iaitu bapa saudara kepada Mejar C Kayambo, 45.

Menurutnya, dia hanya mengetahui kejadian berkenaan kira-kira jam 7 malam daripada anaknya. “Selepas mengetahui kemalangan yang menimpa anak saudara, saya bergegas ke unit forensik Hospital Seberang Jaya (HSJ),” katanya yang menetap di Bagan Ajam.

Katanya, kali terakhir dia bertemu anak saudaranya beberapa minggu lalu ketika majlis kenduri saudara-mara. “Isteri mangsa bekerja sebagai jururawat di Klinik Kesihatan di Georgetown dan mangsa mempunyai tiga orang anak yang masih kecil,” katanya.

awal dan lapor segera pengenalan kapal-kapal di perairan dan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Selain daripada itu, skuadron itu juga mengawasi dan melapor kegiatan di kawasan pelantar minyak dan zon menangkap ikan, mengawasi dan meronda kawasan terumbu yang diduduki dan dituntut serta mengawasi dan melapor kemasukan pendatang tanpa izin dan juga aktiviti pencemaran laut. Setakat ini 16 Skuadron telah banyak membantu agensi kerajaan yang lain dalam mengurangkan jenayah dan penyeludupan di perairan ZEE. Pada 26 Februari lalu, sebuah pesawat CN235 milik TUDM yang membawa lapan

anak kapal mendarat cemas di pesisir pantai berhampiran Batu 2, Kuala Selangor berikutan kerosakan enjin. Lapan anak kapal itu berjaya diselamatkan dengan bantuan nelayan tempatan di kawasan berkenaan. Pada 17 Mei Seorang jurulatih dan pelatih penerbangan TUDM terselamat selepas pesawat latihan Aermacchi MB339CM terhempas di kawasan sawah padi di Kampung Serum, Pekan, Pahang. Pada 4 Oktober lalu, sebuah helikopter Nuri milik TUDM terhempas di atas bumbung Pusat Kemahiran Hidup, Sekolah Menengah Kebangsaan Balong di Tawau, Sabah, menyebabkan 14 anggota tentera cedera.



ASAP kebakaran dapat dilihat dari jauh.

**Kuala Lumpur**

**PAT mahu siasatan menyeluruh**

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menubuhkan pasukan penyiasatan bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian pesawat TUDM terhempas berhampiran Terminal Peluru, Pangkalan Udara Butterworth, petang semalam. Bahagian Perhubungan Awam TUDM dalam kenyataannya berkata, pesawat Beechcraft B200T yang membawa empat anak kapal itu terhempas jam 5.18 petang. Menurutny, seorang anak kapal dilaporkan meninggal dunia manakala tiga lagi anak kapal cedera dan dimasukkan ke Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang. “Setakat ini, pihak keluarga anak kapal yang terbabit dalam kemalangan itu sudah dimaklumkan dan satu pasukan penyiasatan ditubuhkan bagi mengetahui punca kejadian,” katanya.

Sementara itu Panglima Angkatan Tentera (PAT) Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor mahu siasatan menyeluruh dilakukan terhadap nahas pesawat jenis Beechcraft B200T yang terhempas itu. Beliau turut merakamkan ucapan takziah kepada anggota keluarga mangsa yang terbabit dalam nahas udara itu. “Saya harap keluarga anggota yang terbabit dapat bersabar dan menerima ketentuan ini,” katanya.

**RAJA Mohamed Affandi**

